



# 10 HARI 8 MALAM JORDAN + BAITULMAQDIS + MESIR

Amman - Petra - Laut Mati - Jericho - Baitulmaqdis - Hebron - Jabal Musa - Suez - Cairo

### HARGA FIESTA

ALL-IN RM **7,990**

### WARGA EMAS

ALL-IN RM **7,890**



### MUSIM

Musim Bunga Mac - Mei  
Musim Panas Jun - Ogos  
Musim Luruh September - November  
Musim Sejuk Disember - Februari



### MATAWANG

Egypt Pound 1 EGP = RM0.23  
Jordan Dinar 1 د.ا = RM5.80  
US Dollar \$1 = RM4.08



### PERBEZAAN WAKTU

Mesir : - 6 Jam  
Jordan : - 6 Jam



### HOTEL PENGINAPAN

Destinasi	Bil. Malam	Hotel
AMMAN	2	Hotel Alfanar / setaraf
BAITULMAQDIS	3	Hotel New Metropole / setaraf
JABAL MUSA	1	Hotel Morgenland / setaraf
CAIRO	2	Hotel Aracan Pyramids / setaraf

### JABAL MUSA



### HARI 1 KUALA LUMPUR - MUSCAT - AMMAN



Tetamu berkumpul di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) untuk penerbangan ke Amman melalui Muscat. Makan malam dan daftar masuk hotel.

### HARI 2 AMMAN - PETRA - LAUT MATI - AMMAN



Selepas sarapan pagi, tetamu akan dibawa ke **Petra**, Jordan. Petra adalah tapak arkeologi yang terkenal di padang pasir di barat daya Jordan. Wujud sekitar tahun 300 SM, ia adalah ibu kota Kerajaan Nabatean. *(Pilihan tambahan: Menaiki kereta kuda masuk ke kawasan Petra.)* Kemudian, tetamu akan dibawa ke **Laut Mati** (Dead Sea). Laut Mati merupakan tasik air masin yang terletak di sempadan Jordan dan Tebing Barat. Pantainya berada di kedudukan serendah 418 m di bawah aras laut yang merupakan kedudukan terendah di atas daratan dunia. Kandungan garam di dalam laut ini menyebabkan tiada hidupan laut yang boleh hidup di dalamnya, manakala jika mandi, badan akan terapung di atas air dan tidak tenggelam. Pasti tetamu ingin mencuba! Seterusnya, tetamu akan dibawa untuk makan malam dan daftar masuk hotel.

### HARI 3 AMMAN - JERICHO - BAITULMAQDIS



Sarapan pagi di hotel, tetamu akan dibawa menyeberangi sempadan Israel melalui **Allenby Bridge** atau juga dikenali sebagai King Hussein Bridge sebelum tiba di **Jericho**. Jericho atau dalam Bahasa Arab dipanggil Ariha dipercayai merupakan bandar tertua dan bandar terendah di dunia. Seterusnya, melawat **Makam Nabi Musa**. Makam Nabi Musa tidak seperti makam lain kerana ukurannya yang agak besar iaitu lebih kurang 3 meter panjang dan 1.5 meter lebar. Seterusnya, meneruskan perjalanan ke Baitulmaqdis. Makan malam dan daftar masuk hotel.

### HARI 4 BAITULMAQDIS



Setelah selesai bersarapan, tetamu akan memulakan lawatan di Baitulmaqdis dengan melawat **Masjid Al-Aqsa** yang merupakan masjid ketiga paling suci dalam Islam. Menurut sejarah Islam, di masjid inilah Nabi Muhammad diangkat ke langit ketujuh dalam peristiwa Israk dan Mikraj. Selain itu, Masjid Al-Aqsa juga merupakan kiblat pertama bagi umat Islam sebelum wahyu diturunkan di dalam Surah al-Baqarah ayat 148 untuk dihadapkan kiblat ke arah Masjid al-Haram buat semua umat Islam sehinggalah sekarang. Seterusnya melawat **Dome of the Rock**, monumen Islam tertua yang masih berdiri sehingga ke hari ini. Ia juga mempunyai mihrab yang tertua di dunia. Kemudian tetamu berpeluang melihat **Wailing Wall**, di mana ia adalah satu-satunya sisa bangunan suci yang teguh berdiri di Temple Mount. Seterusnya, melawat **Masjid Omar** yang dibina oleh umat Islam di kawasan Saidina Umar Al-Khatab bersempayang selepas menolak pelawaan paderi besar Baitulmaqdis untuk bersolat di Church of the Holy Sepulchre. Kemudian meneruskan lawatan ke **Mount Olive** dan menziarahi **Makam Salman Al Farisi** dan **Makam Rabi'atul Adawiah**. Salman Al Farisi adalah seorang sahabat Nabi Muhammad yang terkenal dengan kecerdikannya dalam mengusulkan penggalian parit di sekeliling kota Madinah semasa perang Khandaq. Manakala Rabi'atul Adawiah terkenal sebagai salah seorang wanita terawal yang memeluk agama Islam dan tergolong sebagai wanita sufi dalam sejarah Islam. Kemudian, pulang ke hotel dan makan malam.

### HARI 5 BAITULMAQDIS - HEBRON



Selepas sarapan pagi, tetamu akan dibawa ke **Hebron**. Hebron atau Al-Khalil iaitu nama dalam Bahasa Arab terletak di pinggir barat kota Palestin dan telah disenaraikan sebagai tapak warisan dunia oleh UNESCO. Tetamu berpeluang untuk menerokai sejarah 3 nabi yang pernah bersemayam di kota Hebron iaitu Nabi Ibrahim, Nabi Ishak dan Nabi Ya'kub. Jadi, tidak sah jika tidak melawat makam mereka di sini iaitu **Makam Nabi Ibrahim** dan makam isteri baginda **Siti Sarah**, makam anak lelaki mereka **Nabi Ishak** dan makam



AL-AQSA



isterinya iaitu **Siti Rifaqah**. Kemudian, pulang ke hotel dan makan malam.

**HARI 8**  
**CAIRO**

**HARI 6**  
**BAITULMAQDIS – JABAL MUSA**

Sarapan pagi di hotel, dan bertolak menuju ke Mesir. Makan tengah hari di Taba dan sambung perjalanan ke **Jabal Musa**. Di sinilah terletak biara St. Catherine yang merupakan biara Kristian tertua dan disenaraikan sebagai tapak warisan dunia UNESCO. Setibanya di sana, tetamu akan dibawa makan malam dan daftar masuk hotel.

Sarapan pagi di hotel, tetamu akan dibawa melawat **Great Pyramid of Giza** dan **Sphinx**. Kemudian ke **Egyptian Museum**, di mana di dalamnya terdapat lebih daripada 120,000 koleksi barangan kuno Mesir dan merupakan salah satu muzium terbesar di rantau itu. Kemudian, melawat **Citadel of Saladin** yang merupakan kubu kuat Islam pada zaman pertengahan di Cairo. Ia kini menjadi tempat bersejarah yang dipelihara, dengan museum dan muzium. Seterusnya ke **Makam Imam Syafie** iaitu seorang ulama' tersohor dan merupakan pengasas kepada mazhab Shafie yang menjadi ikutan jutaan umat Islam termasuklah di Malaysia. Kemudian, tetamu akan makan malam dan pulang ke hotel.

**HARI 7**  
**JABAL MUSA – SUEZ – CAIRO**

Setelah sarapan pagi, tetamu akan dibawa ke **Gunung Sinai** atau juga dikenali sebagai Moses Mountain. Tempat ini menjadi salah satu tempat bersejarah bagi kaum Muslim di mana tempat ini dipercayai menjadi tempat Nabi Musa menerima wahyu berupa 10 perintah Allah yang termaktub dalam Kitab Taurat, sebelum diwahyukan al-Quran kepada Nabi Muhammad. Kebanyakan pelancong yang datang ke Gunung Sinai ini adalah untuk menyaksikan keindahan panorama sekitar Mesir sambil melihat matahari terbit dari puncak gunung tersebut. Seterusnya menziarahi **Makam Nabi Harun** dan **Makam Nabi Soleh**. Kemudian, bertolak menuju ke **Cairo**. Makan malam dan daftar masuk hotel.

**HARI 9**  
**CAIRO – MUSCAT**

Selepas sarapan pagi di hotel, tetamu akan dibawa melawat ke **Masjid Al Azhar** dan **Masjid Saidina Hussain**. Akhir sekali tetamu berpeluang untuk membeli belah di **Khan Khalili Bazaar**, **Kilang Minyak Wangi**, dan **Kilang Papyrus** sebelum bertolak ke lapangan terbang untuk penerbangan pulang ke Kuala Lumpur melalui Muscat.

**HARI 10**  
**MUSCAT – KUALA LUMPUR**

Tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).



**25 Ogos | 15, 22 Sep | 13 Okt 2019** | الطيران العماني **OMAN AIR**

KATEGORI HARGA	BILIK BERDUA	BILIK SEORANG	KANAK-KANAK BILIK BERDUA	KANAK-KANAK BERKATIL	KANAK-KANAK TANPA KATIL
NORMAL	RM 8,490	RM 9,490	RM 7,690	RM 6,690	RM 5,790
Warga Emas	RM 8,290	RM 9,290			
FIESTA	RM 7,990	RM 8,990	RM 7,190	RM 6,190	RM 5,290
Warga Emas	RM 7,890	RM 8,890			

**17, 24, 31 Dis 2019** | الطيران العماني **OMAN AIR**

KATEGORI HARGA	BILIK BERDUA	BILIK SEORANG	KANAK-KANAK BILIK BERDUA	KANAK-KANAK BERKATIL	KANAK-KANAK TANPA KATIL
NORMAL	RM 8,890	RM 9,890	RM 8,090	RM 7,090	RM 6,190
Warga Emas	RM 8,690	RM 9,690			
FIESTA	RM 8,190	RM 9,190	RM 7,390	RM 6,390	RM 5,490
Warga Emas	RM 8,090	RM 9,090			

HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
01	WY 822	K. LUMPUR - MUSCAT	0935	1220
01	WY 413	MUSCAT - AMMAN	1440	1700
10	WY 408	CAIRO - MUSCAT	0045	0655
10	WY 823	MUSCAT - K. LUMPUR	0845	1955

**Pakej Termasuk**

- Tiket penerbangan pergi-balik kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan segala cukai penerbangan.
- Hotel penginapan bertaraf 3\* sepanjang lawatan (rujuk senarai hotel ditawarkan).
- Sarapan pagi, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan.
- Tiket masuk ke tempat-tempat lawatan.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa dan dilengkapi WIFI.
- Perkhidmatan pemandu pelancong berbahasa Inggeris yang berpengalaman sepanjang lawatan.
- Tip kepada pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.
- Diiringi ketua rombongan yang terlatih profesional dari Wan Vacation Sdn. Bhd.
- Percuma edisi beg kembara khas (kecuali bayi) Wan Vacation Sdn. Bhd.
- Bagasi 30kg dan Bagasi Kabin 7kg
- Urusan Visa ke Baitulmaqdis

**Pakej Tidak Termasuk**

- Insurans kembara (travel insurance) - sila hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans kembara yang sesuai.
- Surcaj tambahan kepada harga yang ditawarkan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah (sekiranya ada dinyatakan di dalam tarikh perlepasan).
- Servis tambahan di hotel seperti dobi, snek dan mini bar dan perkhidmatan porter sekiranya tidak disediakan.
- Makan minum, tiket lawatan dan lawatan selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara.
- Bayaran tambahan bagi lebihan had bagasi yang dibawa.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.